

07 APR 1998

Mahathir-IMF

IMF TIADA KEMAJUAN DALAM KAWAL URUSNIAGA MATA WANG, KATA PM

JITRA, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tidak menunjukkan kemajuan dalam usaha untuk mengawal perdagangan matawang.

Perdana Menteri berkata walaupun IMF berjanji hendak membuat kajian terhadap cadangan Malaysia berhubung perkara itu, tetapi badan itu masih belum mengemukakan sebarang cadangan.

"Saya tidak tahu apa sebabnya...selagi mata wang turun naik, mereka (pedagang matawang) akan mendapat keuntungan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan majlis rumah terbuka sempena Aidiladha di Dewan Jitra di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perkembangan cadangan Malaysia mengenai perkara itu berikutan krisis kewangan yang berlarutan sejak Julai tahun lepas di rantau ini.

Kalau matawang negara ini stabil, pedagang matawang tidak akan meraut keuntungan dan sebab itulah mereka (pedagang matawang) tidak berminat untuk mengembalikan nilai matawang negara ini, katanya.

Mengulas kenyataan Timbalan Pengarah Urusan IMF Stanley Fischer bahawa kegawatan kewangan dan ekonomi yang melanda rantau ini sudah berakhir, Dr Mahathir berkata: "IMF buat pengakuan, dulupun dia buat pengakuan juga."

Bagaimanapun, yang penting ialah mereka yang mengurus dana matawang, sama ada mereka akan menguatkan matawang negara ini atau sebaliknya, katanya.

"Walaupun Bank Dunia, IMF dan semua pihak iktiraf kekuatan asas ekonomi kita tetapi ringgit masih jatuh lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata para pedagang matawang mempunyai pendapat sendiri (mengenai kekuatan asas ekonomi negara ini) dan mereka tidak terpengaruh dengan kenyataan yang dibuat oleh Bank Dunia atau sesiapa.

Fischer berkata di Kuala Lumpur semalam bahawa petanda pemulihan sudah kelihatan di Malaysia, Thailand, Korea Selatan dan Filipina dengan keadaan di negara-negara itu beransur baik sejak kebelakangan ini.

Mengulas kenyataan Timbalan Pengarah Urusan IMF Stanley Fischer bahawa kegawatan kewangan dan ekonomi yang melanda rantau ini sudah berakhir, Dr Mahathir berkata: "IMF buat pengakuan, dulupun dia buat pengakuan juga."

Bagaimanapun, yang penting ialah mereka yang mengurus dana matawang, sama ada mereka akan menguatkan matawang negara ini atau sebaliknya, katanya.

"Walaupun Bank Dunia, IMF dan semua pihak iktiraf kekuatan asas ekonomi kita tetapi ringgit masih jatuh lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata para pedagang matawang mempunyai pendapat sendiri (mengenai kekuatan asas ekonomi negara ini) dan mereka tidak terpengaruh dengan kenyataan yang dibuat oleh Bank Dunia atau sesiapa.

Fischer berkata di Kuala Lumpur semalam bahawa petanda pemulihan sudah kelihatan di Malaysia, Thailand, Korea Selatan dan Filipina dengan keadaan di negara-negara itu beransur baik sejak kebelakangan ini.

Ditanya langkah-langkah lanjut yang akan diambil oleh kerajaan, Dr Mahathir berkata: "Tak tahu apa langkah...apa yang patut kita lakukan, kita sudah lakukan tetapi ringgit masih lemah."

Secara kasar nilai US\$1 bersamaan dengan RM3.70 sekarang berbanding dengan RM2.50 sembilan bulan dahulu sebelum krisis kewangan melanda negara ini.

Ditanya sama ada kerajaan akan membantu syarikat Wembley yang tersenarai di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan kini diletakkan di bawah tanggungan, beliau berkata: "Kalau kita buat nanti

orang kata kita bail out."

Wembley diletakkan di bawah tanggungan oleh PhileoAllied Bank (M) Bhd pada 30 Mac ekoran kegagalannya membayar pinjaman berjumlah RM125 juta.

Turut hadir di majlis rumah terbuka itu ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Dr Mahathir kemudian melawat tapak baru Masjid Akar Peluru di Alor Setar. -- BERNAMA

JM AKD